



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2013

G A R I S P A N D U A N
U P A C A R A A K A D N I K A H
D I M A S J I D D A N
P E R K A R A - P E R K A R A
Y A N G B E R K A I T A N
D E N G A N N Y A

جَابَتَانِ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2013

GARIS PANDUAN
UPACARA AKAD NIKAH
DI MASJID DAN
PERKARA-PERKARA
YANG BERKAITAN
DENGANNYA

(Garis Panduan ini telah diperakukan oleh Panel Pakar Syariah
Jakim dalam mesyuaratnya kali ke-82 pada 17 - 19 Jun 2013)

جابتن كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Pertama 2013

© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN UPACARA AKAD NIKAH DI MASJID DAN PERKARA-
PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA

ISBN 978-983-042-528-3

1. Marriage--Religious aspects-Islam. 2. Mosque etiquette.

3. Islamic etiquette.

297.577

Konsep, Reka Bentuk dan Cetakan: OMR Press Sdn Bhd

No. 18, Jln Perindustrian USJ 1/12

Tmn. Perindustrian USJ 1,

47600 Subang Jaya, Selangor

Tel: 03-8024 6396

Fax: 03-8024 6936

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN	i-ii
TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	2-4
TAFSIRAN	5
ADAB-ADAB KETIKA BERADA DI DALAM MASJID	6
Melakukan Ibadat-Ibadat Sunat	6
Adab Berpakaian	7
Adab Berhias dan Berdandan	8-9
Menjaga Tatatertib dan Kesantunan	10-12
PENUTUP	12
RUJUKAN	13

KATA ALU-ALUAN

KETUA PENGARAH

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan limpah kurnia-Nya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berjaya menerbitkan Garis Panduan Akad Nikah di Masjid dan Perkara-perkara yang Berkaitan Dengannya.

Saya berpandangan penerbitan garis panduan ini sebagai suatu yang signifikan dengan situasi hari ini, memandangkan masjid turut menjadi salah satu lokasi pilihan untuk bakal pengantin melangsungkan majlis akad nikah. Ini sesuai dengan fungsi masjid pada hari ini yang tidak lagi hanya tertumpu kepada pelaksanaan ibadah khusus semata-mata, bahkan masjid turut berperanan sebagai pusat perhubungan antara komuniti dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti.

Majlis akad nikah merupakan suatu majlis penting yang membawa pengertian amat bermakna bagi pasangan lelaki dan wanita yang akan diijabkabulkan. Justeru, amat wajar majlis tersebut dilangsungkan mengikut tuntutan syarak dan tidak bercampur-aduk antara perkara yang harus dan yang haram. Saya berharap dengan terbitnya garis panduan ini, ia dapat memberi manfaat dan panduan kepada masyarakat Islam semasa mereka hadir ke masjid sama ada untuk melangsungkan akad nikah atau mengiringi rombongan bakal pengantin yang akan dinikahkan.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam usaha menerbitkan garis panduan ini. Semoga segala usaha yang telah dicurahkan mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.



DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

TUJUAN

Garis Panduan Upacara Akad Nikah Di Masjid dan Perkara-Perkara yang Berkaitan Dengannya disediakan untuk memberi panduan dan rujukan kepada masyarakat Islam di Malaysia mengenai adab semasa melakukan upacara akad nikah di masjid atau surau agar selaras dengan tuntutan Islam.

LATAR BELAKANG

2. Perkahwinan merupakan ikatan suci yang menghalalkan perhubungan antara lelaki dan perempuan. Ia suatu yang amat dituntut dalam Islam kerana menerusinya keperluan fitrah manusia dapat disalurkan secara halal selain bertujuan meneruskan zuriat dan keturunan bagi mendapat keredaan Allah SWT.

3. Terdapat lima rukun nikah, iaitu pengantin lelaki (suami), pengantin perempuan (isteri), wali, saksi dan lafaz (ijab dan qabul). Justeru, upacara akad nikah merupakan upacara yang paling penting dalam majlis perkahwinan kerana menerusinya, ikatan antara seorang lelaki dan seorang perempuan menjadi sah sebagai pasangan suami isteri dan perhubungan antara mereka menjadi halal.

4. Secara umumnya, majlis akad nikah boleh dilaksanakan sama ada di rumah, surau, masjid atau tempat-tempat lain yang bersesuaian. Untuk majlis akad nikah di masjid, Islam sememangnya membenarkan amalan ini kerana Nabi SAW pernah menikahkan seorang perempuan di dalam masjid sebagaimana sabda Baginda SAW:

أَعْتَبُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوهُ فِي الْمَسَاجِدِ وَاضْرِبُوا عَلَيْهِ بِالذُّفُوفِ

Maksudnya:

“Hebahkanlah akan pernikahan ini dan lakukanlah ia di masjid, dan palulah (raikannya) dengan memukul gendang (di luar masjid).”

Hadith riwayat al-Tirmidhi

5. Tambahan pula, fungsi dan kemudahan yang disediakan di institusi masjid pada hari ini tidak hanya tertumpu sebagai tempat pelaksanaan ibadah khusus semata-mata, bahkan masjid berperanan sebagai pusat perhubungan antara komuniti Islam dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti merangkumi bidang keilmuan, perekonomian, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya.

6. Dalam hal ini juga, fungsi masjid telah diperluaskan lagi sebagai tempat untuk melangsungkan upacara akad nikah dan kenduri perkahwinan bertujuan untuk memudahkan urusan pernikahan dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Namun begitu, majlis akad nikah yang dilangsungkan di masjid itu mestilah selari dengan kehendak syarak dan tidak bercampur-aduk dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan tuntutan Islam. Ini kerana hukum asal keharusan tersebut boleh bertukar menjadi haram sekiranya di dalam majlis tersebut terdapat percampuran antara perkara yang harus dan perkara yang haram.

7. Justeru, amat wajar masjid sebagai tempat yang suci lagi mulia, dihormati oleh setiap pengunjungnya dengan mematuhi segala peraturan dan adab-adab yang telah digariskan oleh Islam.

8. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16 hingga 18 Jun 2011 telah membincangkan Hukum Upacara Akad Nikah di Masjid dan keputusannya seperti yang berikut:

“Muzakarah berpandangan bahawa Jumah ulama’ telah memperakukan bahawa upacara akad nikah dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid. Bahkan ulama’ mazhab Shafie berpendapat adalah sunat dan digalakkan untuk melaksanakan akad nikah di masjid. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa melakukan upacara akad nikah di masjid atau surau adalah disunatkan untuk mendapat keberkatan. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak bagi pengantin lelaki dan perempuan yang turut menyertai upacara akad nikah tersebut hendaklah menjaga adab dan mematuhi peraturan semasa berada di dalam masjid atau surau berkenaan.”

TAFSIRAN

9. Tafsiran bagi beberapa istilah yang berkaitan dengan garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

- a. **“Fadilat”** bermaksud kelebihan, darjat yang tinggi.
- b. **“Iktikaf”** bermaksud tinggal di masjid dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- c. **“Khusyuk”** bermaksud tunduk, taat, merendah diri.
- d. **“Masjid”** bermaksud bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain.
- e. **“Nikah”** bermaksud akad yang menghalalkan perhubungan antara suami isteri.

ADAB-ADAB KETIKA BERADA DI DALAM MASJID

10. Adab-adab semasa hadir ke majlis akad nikah yang dilangsungkan di masjid perlu sentiasa diambil perhatian oleh pasangan pengantin dan ahli rombongan yang hadir. Ia merangkumi beberapa aspek seperti yang berikut:

- a. Melakukan ibadat-ibadat sunat;
- b. Memelihara adab berpakaian;
- c. Memelihara adab berhias dan berdandan; dan
- d. Menjaga tatatertib dan kesantunan.

Melakukan Ibadat-Ibadat Sunat

11. Memandangkan masjid merupakan rumah Allah SWT, sewajarnya setiap umat Islam yang mengunjungi masjid berusaha untuk mendapat ganjaran pahala dan fadilat semasa berada di dalamnya. Justeru, bakal pengantin berserta ahli rombongan yang hadir, disunatkan untuk melakukan perkara-perkara berikut apabila memasuki masjid:

- a. Berwuduk;
- b. Bermiat iktikaf dengan lafaz "sahaja aku mengerjakan sunat iktikaf di masjid ini kerana Allah Taala";
- c. Sebelum duduk, disunatkan menunaikan sembahyang sunat tahiyatul masjid sebanyak dua rakaat dengan lafaz niat "sahaja aku sembahyang sunat tahiyatul masjid, dua rakaat kerana Allah Taala"; dan
- d. Berzikir secara senyap tanpa mengganggu orang lain, sementara menunggu upacara akad nikah bermula.

Adab Berpakaian

12. Setiap pengunjung yang berkunjung ke masjid mestilah menjaga adab berpakaian semasa berada di dalamnya.

13. Bagi lelaki, adab berpakaian semasa menghadiri upacara akad nikah di masjid adalah seperti yang berikut:

- a. Memakai pakaian yang suci dan bersih;
- b. Menutup aurat; dan
- c. Tidak memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera tulen.

14. Adab berpakaian bagi wanita semasa menghadiri upacara akad nikah di masjid adalah seperti yang berikut:

- a. Memakai pakaian yang suci dan bersih;
- b. Menutup aurat; dan
- c. Memakai pakaian yang longgar (tidak ketat), tidak jarang atau nipis sehingga boleh menampakkan kulit dan bentuk susuk badan.

Adab Berhias dan Berdandan

15. Sebagai agama yang mudah dan mengamalkan kesederhanaan, Islam tidak menolak secara mutlak konsep berhias dalam kalangan wanita Islam. Namun begitu, cara berhias dan berdandan seseorang wanita itu mestilah selaras dengan tuntutan Islam, iaitu antaranya seperti yang berikut:

- a. Tidak berlebih-lebihan atau keterlaluan dalam bersolek dan berhias sehingga boleh menarik perhatian orang yang memandang atau membawa kepada fitnah;
- b. Hanya mengenakan solekan yang ringkas bagi menaikkan seri wajah pengantin;
- c. Niat asal bersolek itu bukanlah dibuat dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk atau menarik perhatian orang yang memandang;
- d. Memakai perhiasan dan barang kemas seperti cincin, gelang dan rantai tidak secara melampaui batas sehingga boleh membawa kepada sikap sombong dan bermegah-megah untuk mempamerkan kekayaan; dan
- e. Diharuskan bagi pengantin perempuan dan ahli rombongan wanita memakai bau-bauan bagi tujuan menghilangkan bau badan, tetapi pemakaiannya tidak boleh secara berlebihan sehingga dapat dihidu oleh orang lain atau sehingga menimbulkan fitnah.

16. Bagi pengantin lelaki dan ahli rombongan lelaki yang mengiringi pengantin, mereka dilarang daripada memakai perhiasan yang berikut:

- a. Rantai, gelang, subang dan perhiasan-perhiasan yang menyerupai wanita; dan
- b. Perhiasan yang diperbuat daripada emas, emas putih dan suasa.

17. Namun begitu, diharuskan bagi lelaki memakai perhiasan yang berikut:

- a. Cincin yang diperbuat daripada perak dan platinum; dan
- b. Memakai minyak wangi, bahkan, kaum lelaki digalakkan memakai bau-bauan yang harum semasa berkunjung ke masjid.

18. Harus bagi pengantin perempuan berinai dengan syarat-syarat berikut:

- a. Harus memakai inai pada kedua-dua tangan dan kaki selagi tidak menimbulkan fitnah;
- b. Kadar pemakaian inai di kedua-dua tangan dan kaki adalah terhad sehingga pergelangan tangan dan buku lali sahaja;
- c. Warna yang digunakan tidak bersifat kekal seperti tatu dan tidak mengandungi sebarang unsur yang meragukan;
- d. Corak atau ukiran yang dibenarkan ialah corak atau ukiran daun dan tumbuh-tumbuhan; dan

- e. Corak atau ukiran haiwan, lambang dewa-dewa, ajaran atau apa jua gambaran yang bertentangan dengan syarak adalah dilarang.

Menjaga Tatatertib dan Kesantunan

19. Selain daripada adab berpakaian dan berhias, pengantin dan ahli rombongan yang hadir juga hendaklah menjaga tatatertib dan kesantunan dalam beberapa aspek berkaitan semasa berada di dalam masjid. Antara perkara-perkara tersebut ialah larangan memasuki masjid bagi:

- a. lelaki dan wanita yang berhadass besar, termasuk bagi wanita yang sedang dalam haid;
- b. kanak-kanak yang dibimbangi najis mereka boleh menitis ke lantai. Bahkan, kanak-kanak yang turut dibawa bersama-sama ke masjid hendaklah dipastikan bersih daripada segala kekotoran dan najis serta bau-bauan yang tidak menyenangkan.

20. Perkara-perkara berikut juga hendaklah dihindari semasa berada di dalam masjid, iaitu:

- a. Bercakap tentang hal-hal keduniaan, bercerita hal-hal orang lain dan pada perkara yang sia-sia;
- b. Kanak-kanak membuat bising, bermain-main, berlari-lari atau menangis di dalam masjid. Sekiranya tingkah-laku kanak-kanak tersebut sukar lagi dikawal, mereka hendaklah dibawa keluar daripada masjid;
- c. Membawa barang-barang hantaran perkahwinan ke dalam masjid. Memadai dengan hanya membawa

mas kahwin semasa upacara akad nikah tersebut dilangsungkan; dan

- d. Sesi bergambar dan rakaman video upacara akad nikah yang melampaui batas sehingga masjid seolah-olah seperti studio rakaman dengan limpahan cahaya kamera.

21. Berkomunikasi semasa berada di dalam masjid adalah diharuskan dengan adab-adab seperti yang berikut:

- a. Bercakap hanya pada perkara-perkara yang penting, perlu dan bermanfaat sahaja; dan
- b. Bercakap dengan suara yang perlahan supaya tidak mengganggu jemaah lain yang sedang beribadat.

22. Sekiranya terdapat ahli rombongan pengantin yang bukan beragama Islam turut hadir dalam majlis akad nikah tersebut, diharuskan bagi mereka memasuki masjid dengan syarat-syarat seperti yang berikut:

- a. Mendapat keizinan daripada pihak pengurusan masjid;
- b. Memakai pakaian yang menutup aurat dan sopan;
- c. Perlakuan dan tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid, sentiasa terkawal dan beradab; dan
- d. Tidak berdoa atau bertafakur mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah.

23. Selain itu, antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengantin dan ahli rombongan yang hadir ke upacara akad nikah di masjid ialah:

- a. Tempat duduk lelaki dan perempuan mestilah berasingan atau duduk secara bersebelahan antara satu sama lain; dan
- b. Diharuskan makan dan minum di tempat yang telah disediakan khusus oleh pihak pengurusan masjid dengan memastikan kebersihan masjid sentiasa terjaga daripada sebarang bentuk kekotoran.

24. Pihak pengurusan masjid juga hendaklah memastikan bahawa upacara akad nikah yang akan dijalankan tidak dilaksanakan di hadapan mimbar atau mihrab masjid.

PENUTUP

25. Berdasarkan kepada fungsi masjid yang turut berperanan sebagai tempat melangsungkan upacara akad nikah, maka sewajarnya masyarakat Islam memanfaatkan masjid dengan sebaik mungkin agar kebersihan dan kesucian masjid serta adab-adab semasa berada di dalamnya sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, segala aktiviti, perbuatan atau tindakan yang boleh mencemarkan kesucian masjid, menimbulkan kemudaratan atau mengganggu ketenangan para jemaah yang hadir hendaklah dielakkan. Perkara ini penting diambil perhatian supaya suasana yang harmoni, tenang dan selesa dapat dikekalkan di masjid dan setiap pengunjungnya dapat melaksanakan ibadat dan mendampingi diri terhadap Allah SWT dengan penuh khusyuk.

RUJUKAN

KAMUS

Muhammad Rawwas Qal'ah Ji, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*, cet. 1. Beirut: Dar al-Nafais, 1996.

Noresah binti Baharom *et. al* (ed) (2005), *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAHASA ARAB

Saleh bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim, *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, cet. 3. Arab Saudi: Dar al-Salam, 2000.

BAHASA MELAYU

Tatatertib di Masjid, cet. 1. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009.

LAMAN WEB

e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>, 29 November 2011.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkenaan garis panduan ini bolehlah diajukan kepada:

**Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.**

No. Telefon : 03-8886 4000

N0. Faksimili : 03-8889 1993

